

**PEMBUATAN POLISI SYARIAT ISLAM DI
ACEH: KAJIAN KES “PERATURAN BUPATI
NOMBOR 5 TAHUN 2010”**

NELLIS MARDHIAH BINTI SAHIDAN

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2015

**PEMBUATAN POLISI SYARIAT ISLAM DI
ACEH: KAJIAN KES “PERATURAN BUPATI
NOMBOR 5 TAHUN 2010”**

NELLIS MARDHIAH BINTI SAHIDAN

**Tesis Ini Telah Dikemukakan Sebagai Memenuhi
Syarat Untuk Memperolehi Sarjana Sains Di
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial Dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu**

Julai 2015

Didedikasikan hasil kerja ini
Untuk insan-insan tersayang suami, Mursal Bin Muhktar
anak, Hafiz Ramadhan Bin Mursal
bonda dan ayahanda
serta adik-beradik yang lain
kerana sentiasa memberikan sokongan dalam pencapaian pengajian ini.

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains**

**PEMBUATAN POLISI SYARIAT ISLAM DI ACEH: KAJIAN KES
“PERATURAN BUPATI NOMBOR 5 TAHUN 2010”**

NELLIS MARDHIAH BINTI SAHIDAN

Januari 2015

Penyelia Utama : Roslina Ismail, Ph.D

Pusat Pengajian : Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Tesis ini adalah mengenai pembuatan polisi awam di Aceh, khususnya mengenai syariat Islam di daerah Aceh Barat. Dengan memfokuskan kepada “Peraturan Bupati Aceh Barat Nombor 5 Tahun 2010” iaitu tentang “Penegakan Syariat Islam dalam Pemakaian Busana Islam” (PSIPBI) di Aceh Barat, tesis ini menjelaskan pembuatan polisi tersebut berdasarkan tiga objektif: i) menjelaskan proses “penstrukturan masalah polisi” di peringkat pembentukan agenda (*agenda setting*); ii) mengenalpasti ciri-ciri utama dalam pemformulasian polisi awam sebagai undang-undang rasmi di daerah Aceh Barat; dan iii) menjelaskan kekuatan serta kelemahan yang wujud dalam pembuatan polisi tersebut. Bagi mencapai kesemua objektif di atas, tesis ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menekankan aspek triangulasi data berdasarkan data primer dari dokumen-dokumen rasmi kerajaan serta temubual mendalam dengan pemberi maklumat utama (*key informant*) dan data sekunder. Dokumen-dokumen rasmi diperolehi dari pejabat-pejabat kerajaan di Aceh Barat serta laman web rasmi kerajaan manakala data temubual mendalam diperolehi dari temubual dengan tujuh (7) pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat dalam agensi kerajaan di Aceh Barat semasa tempoh pembuatan polisi PSIPBI. Data sekunder diperolehi dari pelbagai universiti. Dari segi dapatan kajian, tesis ini

mengemukakan perspektif Teori Inkremental bagi menjelaskan pembuatan polisi tersebut. Bagi objektif pertama di atas, tesis ini mendapati dua (2) tahap “penstrukturan masalah polisi” telah dipraktikkan oleh pihak kerajaan Aceh Barat. Tahap-tahap tersebut adalah i) pengenalpastian masalah polisi dan ii) pendefinisian masalah polisi. Bagi objektif kedua, tesis ini mendapati dua (2) ciri utama pembuatan polisi wujud. Ia merangkumi i) peringkat perbahasan, dan ii) peringkat menderaf polisi. Manakala bagi objektif ketiga, tesis ini mendapati bahawa pembuatan polisi PSIPBI mempunyai kekuatan dan kelemahannya. Kekuatannya adalah disebabkan i) menerapkan nilai kesepakatan dalam masyarakat, ii) mempertimbangkan nilai syariat Islam dan iii) menyokong pencegahan masalah sosial menurut syariat Islam. Manakala kelemahannya adalah i) kekangan teknikal, dan ii) campur tangan politik. Kesimpulannya, tesis ini telah meneroka aspek pembuatan polisi berasaskan PSIPBI. Ia adalah satu kajian kes yang mendedahkan bagaimana undang-undang syariat Islam berkaitan pemakaian busana islamik dibentuk di sebuah wilayah autonomi di bawah di negara demokrasi. Tesis ini mencadangkan bahawa kelemahannya boleh ditangani dengan iltizam politik yang bersungguh-sungguh manakala kekuatannya dapat menjadi wahana memperkasakan pencegahan masalah sosial sesuai dengan kaedah Islam. Tesis ini boleh menjadi titik-tolak kepada kajian lebih mendalam tentang pembuatan polisi awam di Aceh dan Indonesia.

**Abstract of thesis presented to the Senate of the Universiti Malaysia
Terengganu as fulfillment of a requirement for a Master's of Science Degree**

**THE MAKING POLICY SHARI'A LAWS IN ACEH: A CASE STUDY ON
"WEST ACEH REGENT RULE NUMBER 5 YEAR 2010"**

NELLIS MARDHIAH BINTI SAHIDAN

January 2015

Main Supervisor : Roslina Ismail, Ph.D

School : Social and Economic Development

This thesis is about the making policy in Aceh, especially about shari'a law in the district of West Aceh. By focusing on "West Aceh Regent Rule Number 5 Year 2010" of the "Enforcement of Shari'a Law in Islamic Clothing Application" (PSIPBI) in West Aceh, this thesis explains the above mentioned making policy on the basis of three objectives: i) describe the process of restructuring policy problem in the agenda formation rank (agenda setting); ii) identify key characteristics of policy formulation of the PSIPBI as the official law in Aceh Barat; and iii) explain the strengths and weaknesses in the making policy practice. To achieve the objectives mentioned above, this thesis has used qualitative methods by focus on triangulation data aspect based on primary data from documents and in-depth interviews with key informants and secondary data. Official documents obtained from government offices in West Aceh as well as the official websites of the government. In-depth interview data were obtained from interviews with seven (7) government officials working in government agencies in West Aceh during the period of making policy of PSIPBI. The secondary data were obtained from various libraries. In terms of the findings, this thesis suggests an alternative perspective that is built up of the incremental theory to explain the practice. For the first objective above, this thesis found that two (2) levels of "structuring policy problems" were practiced by the government of

West Aceh. Those are i) identification of policy problems and ii) the definition of policy problems. For the second objective, this thesis found that two (2) main characteristics of making policy exist. It includes i) the level of debate, and ii) the drafting of the policy. Along with the third objective, this thesis suggests that in the making policy practice of the PSIPBI prone to be strong and weaknesses. The strengths are built on the basis of i) implementing the consensus in society, ii) considering the values of shari'a laws and iii) supporting the prevention of social problems through shari'a laws. The weaknesses are derived from i) technical constraints, and ii) political interference. In conclusion, this thesis has explored the making policy of PSIPBI. It is a case study that reveals how the shari'a laws (associated with the Islamic clothing application) were formulated in a region which became autonomic under a large democratic country. This thesis proposes that all weaknesses can be addressed by political commitments while the strengths can work as a vehicle for the prevention of social problems according to the shari'a laws. This thesis can be a starting point for more in-depth study conducted on the making of public policies in Aceh and Indonesia.